



Headline: Peniaga rugi RM40, 000  
Publication/Portal: Sinar Harian  
Date: 22 August 2019

Language: Malay  
Section: Nasional  
Page: 29

## Peniaga rugi RM40,000

**KUANTAN** - Bimbang dipenjarakan atas dakwaan terlibat pengubahan wang haram dan dadah, seorang peniaga di sini rugi RM40,000 selepas diperdaya ahli sindiket Macau Scam yang menyamar sebagai pegawai polis serta kakitangan bank.

Ketua Jabatan Siasatan Jenayah Komersial Pahang, Superintendan Mohd Wazir Mohd Yusof berkata, mangsa berusia 48 tahun itu didakwa ada tunggakan kad kredit RM10,000.

Katanya, mangsa memindahkan wang RM40,000 ke dalam akaun di atas nama Rafudah Abdul Rahman.

“Mangsa menyedari dirinya ditipu dan membuat laporan di Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Kuantan semalam (kelmarin),” katanya.